

10 FEB 2003

RAFIDAH-BFTA/I

RAFIDAH: PEMBUKAAN PASARAN DI BAWAH BFTA M'SIA-JEPUN SEAWAL 2004

Oleh: Mohd Arshi Daud

KUALA LUMPUR, 10 Feb (Bernama) -- Produk-produk Malaysia yang dieksport ke Jepun boleh menikmati potongan atau pengecualian tarif seawal 2004 sekiranya Tokyo dan Kuala Lumpur bersetuju dengan pendekatan "hasil yang awal" dalam cadangan Kawasan Perdagangan Bebas Dua hala (BFTA), kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz.

"Sekiranya kita bekerja dengan cepat, ianya dalam masa satu hingga satu setengah tahun, mungkin jika kami mempunyai liberalisasi progresif," katanya kepada Bernama dalam satu temu bual baru-baru ini.

Di bawah rancangan hasil awal berkenaan, daripada sejumlah sektor yang dikenal pasti di bawah BFTA, kedua-dua rakan dagang itu boleh memilih beberapa produk yang mempunyai kos terendah bagi pasaran terbuka segera dalam masa setahun atau lebih.

"Mereka mungkin meminta 10 barangan tetapi kita kata (biarlah) tiga dahulu, atau kita mungkin meminta 10 barangan dan mereka kata (biarlah) tiga atau empat dahulu," katanya. Kuala Lumpur, kata beliau percaya bahawa pendekatan secara berperingkat-peringkat lebih berdaya berbanding pelaksanaan BFTA secara sekali gus.

Bagaimanapun ia juga terpulang kepada Jepun untuk menimbangkan yang mana yang lebih baik, katanya.

BFTA Malaysia-Jepun diumumkan pada Disember tahun lepas semasa lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Jepun.

BFTA membentuk sebahagian daripada cadangan yang amat komprehensif dikenali sebagai kerangka Perkongsian Ekonomi Erat (CEP) yang juga meliputi aspek-aspek kerjasama mencakupi antara lain pendidikan, kebudayaan, teknologi maklumat dan pertanian.

Rafidah berkata kementerian telah mengenal pasti sektor-sektor yang boleh dibuka oleh Kuala Lumpur bagi produk Jepun dan sektor-sektor yang boleh Jepun buka bagi barangan buatan Malaysia.

Beliau berkata beliau akan ke Jepun minggu ini bagi memaklumkan rakan sejawatnya mengenai sektor-sektor yang Malaysia sedia membukanya.

"Buat masa ini, saya tidak dapat memberitahu sektor-sektor berkenaan kerana kami perlu membincangkannya dengan Jepun," katanya.

Rafidah berkata kerajaan Jepun perlu berunding dengan industri-industri dalam negaranya serta dewan perundangan negara itu atau Diet berkaitan isu berkenaan dan kemudiannya memaklumkan sektor-sektor yang diharapkan dibuka oleh Malaysia.

Beliau berkata keputusan Malaysia untuk mengadakan BFTA dengan Jepun bukan hanya kerana ianya satu "fesyen" untuk melakukannya.

"Saya tidak faham kenapa beberapa negara mahu mengadakan dua hala (FTA) dengan setiap rakan dagang (yang mereka ada)."

Malaysia memilih untuk mengadakan BFTA kerana sebagai negara rakan dagang dan ekonomi terbuka, ia perlu mengambil kesempatan terhadap setiap peluang yang ada bagi meningkatkan pertumbuhan ekonomi daripada pelaburan dan perspektif perdagangan.

"Jadi jika kita mempunyai rancangan dua hala dengan negara-negara seperti Jepun dan kawasan-kawasan yang kita tumpukan yang akan memberi faedah kepada kita dan juga Jepun, kenapa tidak?"

"Kita akan memilih FTA mana yang lebih berdaya yang boleh kita adakan. Selepas Jepun, mungkin ada negara-negara lain yang mahu meneruskan BFTA di kawasan terpilih," kata Rafidah.

Mengenai persepsi bahawa BFTA mencerminkan perubahan sepenuhnya

pelbagai pendirian yang diambil oleh kedua-dua negara sebelum ini yang menentanginya, beliau berkata: "Tidak, tidak. Kita tidak pernah menentanginya FTA (dua hala).

"Kita hanya kata sebelum ini, ia berjalan lancar dalam Pertubuhan Perdagangan Dunia dan bagi serantau, kita mempunyai Asean (Kawasan Perdagangan Bebas), jadi (BFTA) tidak perlu."

Tetapi setelah masa berlalu, rancangan sedemikian dilihat memberi faedah jika kedua-dua rakan dagang boleh memberi tumpuan kepada bidang utama kepentingan bersama yang tidak hanya berkaitan dengan perbincangan perdagangan pelbagai hala yang sedang berjalan, katanya.

"Dalam proses dua hala, kita meninjau produk demi produk, mengikut bidang berbanding dengan WTO, ia akan meliputi sekarang dan dalam WTO ia (pembukaan pasaran) tidak boleh berlaku secepat FTA dua hala," katanya.

Mengenai trend di kalangan negara anggota Asean mewujudkan BFTA, Rafidah berkata ia tidak menimbulkan kebimbangan kepada Malaysia memandangkan tiada rancangan berkenaan yang melanggar sebarang perjanjian Asean dan peraturan WTO.

"Saya rasa ianya baik. Kita sentiasa menyatakannya kepada mereka," katanya lagi. -- BERNAMA

MAD FR NHD